

Atlet silat USIM gondol anugerah

Nilai: Atlet pencak silat, Mohd Ali Imran Che Hashim dan Nurul Amalina Subkhi dipilih Olahragawan dan Olahragawati Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 2013 pada majlis Anugerah Sukan institusi pengajian tinggi berkenaan, baru-baru ini.

Ali Imran, siswa Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan meraih pingat perak Kejohanan Silat Majlis Sukan Universiti Malaysia (MA-SUM) manakala Nurul Amalina, siswi Fakulti Syariah dan Undang-Undang meng-

gondol emas Kejohanan Silat Piala Timbalan Perdana Menteri.

Melalui majlis anugerah kelolaan Pusat Sukan USIM, sebanyak 20 anugerah di-sampaikan bertempat di Dewan Besar USIM.

Bagi kakitangan universiti, staf Jabatan Keselamatan Norizat Nordin dan Wan Azura Radzuan (Jabatan Perpustakaan) dipilih Olahragawan dan Olahragawati.

Norizat meraih gangsa Kejohanan Bola Tampar Majlis Sukan Kakitangan Kerajaan (MAKSAK) 2013 dan Wan Azura memenangi acara masters bowling SUKUM.

Kategori lain membabitkan Anugerah Khas Pencapaian Cemerlang 2012, Bintang Harapan, Pengurus Terbaik, Jurulatih Terbaik, Pa-

sukan Terbaik dan Pasukan Harapan.

“Berikutan pengiktirafan dan penghargaan ini, atlet USIM diharap dapat meneruskan kecemerlangan dan pencapaian terbaik serta memberikan saingan lebih sengit kepada institusi pengajian tinggi lain,” kata Naib Canselor Profesor Datuk Dr Musa Ahmad.

Pada majlis sama, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Dr Abdul Shukor Husin diberi penghargaan Anugerah Tokoh Sukan atas komitmen tinggi beliau yang sentiasa memberi sokongan, kerjasama dan membantu pembangunan sukan di USIM khususnya semasa menjadi Naib Canselor sebelum ini.



MUSA (empat dari kiri) bersama Olahragawan dan Olahragawati 2013 USIM.